

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI, 1983

OLEH REJAL ARBEE DAN ABDUL RAHMAN SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN TERBURU-BURU MENYERAHKAN PENGENDALIAN SETENGAH-SETENGAH PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN AWAM YANG ADA DAN BAKAL DITUBUHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA DI ABWAH DASAR PENGSWASTAANNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD. PERDANA MENTERI MENEGASKAN SETIAP KES AKAN DIKAJI TENTANG KEBAIKANNYA DAN DARIPADA SEGI PENYERTAANANYA DAN JUGA FAEDAH YANG AKAN DINIKMATI OLEH RAKYAT DAN KERAJAAN.

+PENGSWASTAAN BUKAN BERMAKSUD MENYERAHKAN SEGALA-GALANYA KEPADA SEKTOR SWASTA; KERAJAAN TIDAK BERCADANG BERBUAT DEMIKIAN+, KATANYA DALAM TEMURAMAH KHAS SEMPENA TAHUN KEDUA BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN APA JUA YANG BAKAL DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN ITU, IA AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU AGAR TIDAK BERCANGGAH DENGAN MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

GARIS-GARIS PANDUAN YANG DIPERLUKAN TETAP AKAN DISEDIAKAN BAGI MANA-MANA SYARIKAT SWASTA YANG INGIN MENGENDALIKAN SEBARANG PERKHIDMATAN AWAM, KATANYA.

--LAGI 0828/AN

ZCZC B510

MAHATHIR-SWASTA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEKIRANYA KAMI MENYERAHKAN PENGENDALIAN RANGKAIAN KETIGA TV KEPADA SEKTOR SWASTA, INI TIDAK BERMAKNA MEREKA BOLEH MENYIARKAN FILEM-FILEM LUCAH, UJARNYA.

PERDANA MENTERI MENGAKUI KEDUDUKAN KEWANGAN YANG KETAT MERUPAKAN SATU DARIPADA FAKTOR YANG MENGHASILKAN IDEA PENGSWASTAAN ITU.

PADA MASA YANG SAMA, KINI TERDAPAT BILANGAN SYARIKAT BUMIPUTERA YANG MENCUKUPI YANG MAMPU MENYERTAI LANGKAH SEUMPAMA ITU.

+SEBAB KAMI TIDAK BERBUAT DEMIKIAN SEBELUM INI IALAH DASAR EKONOMI BARU. KETIKA ITU, TIDAK ADA BANYAK SYARIKAT ATAU AGENSI BUMIPUTERA YANG BOLEH MENYERTAI. SEBARANG PENGSWASTAAN SEBELUM INI PASTI AKAN DIKUASAI OLEH BUKAN BUMIPUTERA DAN INI SUDAH TENTU AKAN MENIMBULKAN KEMARAHAAN.

+TETAPI, KINI KITA MEMPUNYAI SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA YANG BESAR SEPerti PNB DAN YANG LAIN YANG MEMILIKI GUTHRIE, SIME DARBY, BARLOW BOUSTEAD, DAN PERSEORANGAN BUMIPUTERA YANG KINI BERUPAYA MENYERTAI RANCANGAN PENGSWASTAAN INI+, TAMBAHNYA.

--LAGI 0832/AN

ZCZC B511

MAHATHIR-SWASTA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI SAMA ADA KERAJAAN MENYEDARI BAHAWA ORANGRAMAI AKAN TERPAKSA MEMBAYAR LEBIH BANYAK UNTUK PERKHIDMATAN AWAM YANG DIKENDALIKAN OLEH SEKTOR SWASTA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KIRA PERKARA ITU.

BAGAIMANAPUN, LAMBAT LAUN PARA PENGGUNA TERPAKSA JUGA MEMBAYAR LEBIH BAGI PERKHIDMATAN SEPerti ITU, KATANYA.

+MEREKA TERPAKSALAH MEMBAYARNYA SENDIRI ATAU MENERUSI KERAJAAN. JIKA KERAJAAN MENANGGUNG BAYARAN PERKHIDMATAN SEPerti INI, KERAJAAN AKAN SENTIASA KERUGIAN DAN JUGA MEMAKSA ORANG LAIN MEMBAYARNYA (MENERUSI CUKAI)+, KATANYA.

--BERNAMA 0836/AN